

**Untuk Siaran Segera
31 Ogos 2023**

ASM 2 WAWASAN ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN 4.50 SEN SEUNIT

*Jumlah keseluruhan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.04 bilion,
memanfaatkan lebih daripada 910,000 pemegang unit.*

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023.
- ASM 2 Wawasan mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.04 bilion yang memanfaatkan 914,008 pemegang unit. Sehingga 29 Ogos 2023, ASM 2 Wawasan mencatatkan pendapatan bersih terealisasi sebanyak RM810.23 juta.
- Pengagihan pendapatan sebanyak 4.50 sen seunit berada pada 161 mata asas mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12 Bulan Maybank iaitu sebanyak 2.89% bagi tempoh yang sama.

Kuala Lumpur, 31 Ogos 2023: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 2 – Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023.

ASM 2 Wawasan mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.04 bilion, yang akan memanfaatkan 914,008 pemegang unit. Agihan pendapatan ASM 2 Wawasan adalah bersamaan dengan jumlah pulangan sebanyak 4.50%, mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12 Bulan Maybank yang berada pada paras 2.89% sebanyak 161 mata asas bagi tahun kewangan sehingga 29 Ogos 2023.

Sehingga 29 Ogos 2023, dana tersebut memperoleh jumlah pendapatan kasar sebanyak RM1.08 bilion dan mencatatkan pendapatan bersih terealisasi sebanyak RM810.23 juta. Pendapatan untuk ASM 2 Wawasan diperoleh daripada keuntungan modal, pendapatan dividen serta pendapatan-pendapatan lain daripada pelaburan domestik dan antarabangsa. Pendapatan daripada ekuiti kekal sebagai penyumbang utama dengan pelaburan antarabangsa dan domestik masing-masing menyumbang 29.2% dan 55.7% kepada pendapatan kasar dana. Dana tersebut juga telah mendapat manfaat daripada kepelbagaian

portfolio dalam kelas aset lain, terutamanya Hartanah dan Ekuiti Persendirian yang mewakili 10% daripada jumlah NAB.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASM 2 Wawasan adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan oleh ASM 2 Wawasan akan dilaburkan semula secara automatik sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 September 2023.

Urus niaga ASM 2 Wawasan di semua cawangan dan ejen ASNB termasuk semua platform digital dan perbankan internet telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 29 hingga 31 Ogos 2023. Pemegang unit boleh melakukan semula urus niaga di portal myASNB (www.myasnb.com.my), melalui aplikasi mudah alih myASNB atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara bermula 1 September 2023.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan)

ASM 2 Wawasan (dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Wawasan 2020) merupakan unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 28 Ogos 1996. Ia adalah dana aset campuran/pendapatan sesuai untuk pelabur yang memahami hubung kait antara risiko dan pulangan pelaburan serta mengharapkan manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) serta untuk menerima pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2023

DANA HARGA TETAP



ASM 2 Wawasan

**JUMLAH PEMBAYARAN
PENGAGIHAN**

RM1.04
bilion

**JUMLAH
PENGAGIHAN**

4.50
sen seunit

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 dan Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.